

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN  
BIL. 3/1981**

**PERMOHONAN UNTUK PERMIT CARIGALI**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri pada 26hb. Ogos, 1981 telah menimbang Kertas Bil. T(11/81) (Fail PTG.(KN) SULIT 120/78/(38) dengan hasrat untuk mendapatkan hasil yang lebih segera oleh Kerajaan Negeri maka telah difikirkan wajar bagi Syarikat-Syarikat lain atau perseorangan diberi peluang untuk mengusahakan perlombongan di Negeri ini serentak dengan M.M.C. asalkan kawasan yang dipohon oleh Syarikat-Syarikat ini tidak bertindih dengan kawasan perjanjian dengan M.M.C. yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan melibatkan P.K.I.N.K sebagai wakilnya.

2. Berdasar kepada faktor-faktor di atas, Jawatankuasa telah membuat keputusan supaya pembekuan permohonan carigali yang diputuskan olehnya pada 2.12.80 Kertas Bil.4/2/80 ditarik balik dan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah bolehlah menerima dan memproses semula permohonan-permohonan daripada syarikat dan perseorangan dengan syarat-syarat berikut :-

- (i) Kawasan yang dipohonkan itu tidak bertindih dengan Kawasan Perjanjian dengan M.M.C. Jika didapati bertindih Pemungut Hasil Tanah adalah diberi kuasa untuk menolaknya.
- (ii) Satu-satu kawasan yang dipohonkan hendaklah tidak lebih daripada 2,000 ekar.

- (iii) Penimbangan ke atas permohonan yang diterima hendaklah mengikut Dasar Melombong Negeri Kelantan yang dibuat dalam Tahun 1966 dan masih berkuatkuasa, iaitu Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada Orang Melayu mengikut kedudukan keutamaan seperti berikut:-
- a) Permohonan Orang Melayu Bersyarikat ;
  - b) Permohonan Seorang Melayu Bersendirian ;
  - c) Permohonan Satu Persyarikatan Orang Melayu dengan Orang-Orang Bukan Melayu dengan kadar modal dan bahagian Orang Melayu 55% dan Bukan Melayu 45% dan kadar ini tidak boleh dikurangkan selama-lamanya.
  - d) Permohonan Syarikat yang ada bahagian modal dan buruh/pekerja/Pegawai Melayu didalamnya.

Sekian dimaklumkan,

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Menurut Perintah,

**t.t**  
**(Ab.Hamid bin Haji Abu Bakar)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

s.k.

Yang Berhormat,  
Dato’ Setiausaha Kerajaan,  
Kelantan,  
**Kota Bharu.**

**BERTARIKH :**      **16HB. JUN, 1981.**

**FAIL :**      **P.T.G.KN.3269/(55)**